

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

IMPORT DAN EKSPORT HAIWAN, HASIL DAN PRODUK HAIWAN, BAHAN BIOLOGIK, SERTA MAKANAN HAIWAN

No. Dokumentasi: APTVM 17(c): 1/2011

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

	MUKASURAT
Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia	i
1.0 Pengenalan	1
2.0 Objektif	2
3.0 Skop	2
4.0 Definisi	2
5.0 Kata Singkatan	6
6.0 Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Import dan Eksport Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan, Bahan Biologik, serta Makanan Haiwan	6
6.1 Import	6
6.1.1 Permohonan Baru	7
6.1.2 Permohonan dari Negara/Premis yang Telah Diluluskan	10
6.1.3 Permohonan bagi Haiwan Kesayangan	11
6.1.4 Permohonan Permit Import	11
6.2 Eksport	12
6.2.1 Permohonan Eksport	12
6.2.2 Peraturan Negara Pengimport	13
6.2.3 Pemeriksaan Veterinar dan Ujian Makmal	13
6.2.4 Permohonan Permit Eksport	14
6.2.5 Pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar	14
7.0 Senarai Rujukan	15
8.0 Lampiran	15
Lampiran: Senarai Baka Anjing Terlarang/Terkawal	16
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Import dan Eksport Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan, Bahan Biologik, serta Makanan Haiwan	17
Penghargaan	17

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Prosedur import dan eksport haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan tertakluk kepada Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) dan Akta Makanan Haiwan 2009. Prosedur ini bertujuan mencegah penularan penyakit haiwan dan zoonotik. Peraturan ini akan menjamin pengimportan berisiko rendah serta dapat mencegah penyakit daripada dibawa masuk ke dalam negara. Dalam masa sama prosedur ini dapat menjamin rakyat mendapat bekalan haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan yang selamat dan berkualiti.

Prosedur eksport pula dilaksanakan bagi menjamin haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan yang dieksport mematuhi peraturan negara pengimport. Sebagai pihak berkuasa veterinar yang berwibawa, maka amat penting untuk kita menjamin keutuhan persijilan veterinar. Kejayaan melaksanakan prosedur eksport akan meningkatkan keyakinan negara pengimport serta akan dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Prosedur import dan prosedur eksport ini amat perlu difahami dengan jelas oleh semua penguasa veterinar dan juga orang awam agar matlamatnya tercapai. Maka dengan ini, diarahkan kepada semua penguasa veterinar yang terlibat dalam prosedur import dan eksport haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan, untuk mematuhi APTVM ini agar dapat memastikan kelestarian perkhidmatan veterinar dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Dato' Dr. Abd. Aziz bin Jamaluddin

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

1.0 PENGENALAN

Proses import dan eksport haiwan dan produk haiwan adalah merupakan satu proses pertukaran haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan daripada luar negara ke dalam negara dan dari dalam negara ke luar negara.

Tujuan pengimportan haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan adalah untuk menampung keperluan negara di samping menambah baik sumber genetik haiwan di dalam negara.

Pengeksportan haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan adalah merupakan satu langkah usaha meningkatkan ekonomi negara di samping mempamerkan keberhasilan penternakan dalam negara yang mampu meningkatkan ekonomi pengeksport tempatan dan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Walau bagaimanapun, proses pengimportan dan pengeksportan haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan ke luar mahupun ke dalam negara serta dari satu negara ke satu negara lain menyumbang kepada penyebaran penyakit berjangkit serta zoonotik.

Sehubungan itu, APTVM ini dibuat bagi memberikan panduan agar prosedur pengimportan dan pengeksportan haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan dapat difahami dengan jelas oleh semua pihak.

APTV ini juga diharapkan dapat meningkatkan kualiti ternakan negara di samping mengelakkan sebarang risiko serta peluang penyebaran penyakit. Secara tidak langsung turut dapat meningkatkan ekonomi negara.

2.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan memberikan garis panduan dalam urusan import dan eksport haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia. Ini adalah bertujuan untuk memastikan prosedur import dan eksport haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan dapat difahami dengan jelas dan berkesan.

3.0 SKOP

Prosedur ini diguna pakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, dan merangkumi perkara seperti berikut:

- 3.1 Permohonan import haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan;
- 3.2 Permohonan eksport haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan.

4.0 DEFINISI**4.1 *Animal Quarantine Services***

Sistem dalam talian (*online*) yang diguna pakai untuk tujuan capaian proses kuarantin haiwan.

4.2 *Bahan Biologik*

Bahan-bahan biologik termasuk serum, toksin dan hormon daripada sumber asli atau sintetik, organisma ubahsuai genetik, kit diagnosis, anti-toksin, vaksin, mikroorganisma hidup atau mati, antigen atau komponen imunisasi mikroorganisma atau sebahagian protein, sel atau molekul yang berasal daripada haiwan yang digunakan untuk tujuan diagnosis, rawatan, pencegahan penyakit atau penyelidikan haiwan.

4.3 *Dayajejak*

Keupayaan menjelaki pemindahan haiwan, hasil dan produk haiwan dalam rantaian pengeluarannya sama ada selangkah

ke hadapan atau selangkah ke belakang.

4.4 *Dokumen Sokongan*

Helaian dan bahan maklumat serta informasi tambahan yang dapat menyokong sesuatu permohonan.

4.5 *Eksport*

Proses membawa keluar haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan dari dalam negara ke luar negara.

4.6 *E-permit 1*

Sistem dalam talian (*online*) bagi permohonan dan kelulusan permit import, eksport serta sijil kesihatan veterinar.

4.7 *Haiwan*

Se semua binatang termasuk lembu, kambing, kerbau, bebiri, kuda, babi, rusa, anjing, kucing, unggas serta mana-mana binatang yang dikurung atau di bawah kawalan, pada sebarang umur atau jantina.

4.8 *Haiwan Kesayangan*

Haiwan peliharaan yang dijaga dan disimpan sebagai teman dan bukan untuk tujuan penternakan atau bekerja.

4.9 *Hasil Haiwan*

Hasil yang diperoleh daripada haiwan melalui aktiviti perladangan atau penternakan dan belum diproses dengan ternakan masih hidup seperti susu mentah, telur, bulu, najis dan sebagainya.

4.10 *Hazard*

Suatu punca mudarat atau suatu keadaan yang mana boleh mendatangkan mudarat kepada haiwan serta manusia dalam bentuk kecederaan dan kesihatan atau gabungan dari kedua-duanya. Jenis hazard terbahagi kepada tiga (3) iaitu mikrob, kimia dan fizikal. Contoh hazard bagi mikrob ialah bakteria, virus, fungsi dan sebagainya yang boleh membawa

- penyakit kepada ternakan. Contoh hazard bagi kimia termasuk bahan-bahan disinfeksi dan antibiotik, sementara hazard untuk fizikal termasuk cebisan besi, batu dan kayu.
- 4.11 Import**
Proses membawa masuk haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik serta makanan haiwan dari luar negara ke dalam negara.
- 4.12 Jawatankuasa Penyelaras Pengimportan Haiwan dan Produk Haiwan - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**
Jawatankuasa yang menentukan kelulusan permohonan pengimportan haiwan dan produk haiwan.
- 4.13 Kelulusan Kuota**
Kelulusan kuantiti pengimportan bagi haiwan seperti kerbau, lembu, kambing dan bebiri serta produk haiwan seperti daging kerbau, lembu, kambing dan bebiri serta keratan/daging ayam yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelaras Pengimportan Haiwan dan Produk Haiwan - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi tempoh satu tahun.
- 4.14 Lembaga Pemakanan Haiwan**
Jawatankuasa yang menilai setiap permohonan dan pembaharuan lesen bagi pengimportan makanan haiwan/bahan tambahan makanan haiwan dalam tempoh setahun.
- 4.15 Pegawai Veterinar**
Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia yang dilantik sebagai Pegawai Veterinar kerajaan.
- 4.16 Pengekspor**
Individu/Syarikat yang mengekspor haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik serta makanan haiwan.
- 4.17 Pengimport**
Individu/Syarikat yang membuat permohonan import haiwan,

- hasil dan produk haiwan, bahan biologik serta makanan haiwan daripada Jabatan.
- 4.18 Penilaian Risiko**
Penilaian kemungkinan dan konsekuensi biologi, pendirian penilaian dan penyebaran hazard ke dalam negara pengimport.
- 4.19 Permit**
Dokumen kebenaran masuk atau kebenaran keluar bagi haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan yang dikeluarkan oleh DVS.
- 4.20 Piawaian**
Takat prestasi yang menjadi tanda ukuran bagi sesuatu perkara.
- 4.21 Pihak Berkuasa Veterinar**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana-mana Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Veterinar dan mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk menjadi pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006).
- 4.22 Pihak Berkuasa Veterinar Negara Pengekspor**
Badan veterinar kerajaan yang bertanggungjawab serta dirujuk bagi tujuan rujukan status penyakit ternakan di negara pengekspor.
- 4.23 Produk Haiwan**
Bahan yang berasal dari hasilan haiwan yang telah disembelih atau diambil daripadanya untuk aktiviti pemprosesan dan aktiviti tambah nilai. Produk yang dikeluarkan meliputi produk makanan atau bukan makanan.

4.24 Risiko

Gabungan faktor yang memungkinkan berlakunya ancaman atau kejadian ber 'hazard' dalam suatu tempoh khusus yang ditetapkan atau dalam keadaan yang ditetapkan dengan faktor risikonya iaitu kesan buruk ke atas kesihatan haiwan dan manusia.

4.25 Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)

Dokumen yang mengesahkan kesihatan haiwan, produk dan hasil haiwan untuk membolehkan pemindahan dari satu premis ke premis lain dan menjadi dokumen rujukan utama dalam dayajejak.

5.0 KATA SINGKATAN

APTVM	- Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
AQS	- Animal Quarantine Services
DVS	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar
IPPV	- Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar
JPPH-MOA	- Jawatankuasa Penyelaras Pengimportan Haiwan dan Produk Haiwan - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
KPPV	- Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
JAKIM	- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
PBV	- Pihak Berkuasa Veterinar
PPVN	- Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
TACB	- Technical and Advisory Committee on Biologics
SKH	- Stesen Kuarantin Haiwan
SKIE	- Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import Eksport
SKV	- Sijil Kesihatan Veterinar
ZooKa	- Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam

6.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA IMPORT DAN EKSPORT HAIWAN, HASIL DAN PRODUK HAIWAN, BAHAN BIOLOGIK, SERTA MAKANAN HAIWAN**6.1 IMPORT**

Permohonan import haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan hendaklah mendapat

pengesahan daripada DVS sebelum pengimportan dilakukan.

6.1.1 Permohonan Baru

Permohonan daripada negara/premis yang belum diluluskan oleh DVS hendaklah dibuat kepada SKIE beserta dengan dokumen sokongan yang berkaitan. Permohonan tersebut hendaklah mengandungi maklumat berkaitan haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan yang hendak diimport secara jelas, tepat dan terperinci.

6.1.1.1 Dokumen Sokongan**a. Haiwan**

i. Borang soal-selidik Status Penyakit Negara Pengeksport (*rujuk laman sesawang DVS di www.dvs.gov.my*) hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh PBV negara pengeksport.

ii. Borang tersebut hendaklah diserahkan kepada SKIE untuk penilaian risiko.

b. Hasil dan Produk Haiwan

i. Borang 'Application of Meat, Milk, Poultry and Product to export to Malaysia atau Borang soal-selidik 'Application For Export Non Halal Pork Product' (*rujuk laman sesawang DVS di www.dvs.gov.my*) hendaklah dilengkapkan oleh pemproses dan disahkan oleh PBV negara

pengeksport.

- ii Borang soal-selidik Status Penyakit Negara Pengeksport hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh PBV negara pengeksport sekiranya premis berada dalam negara yang belum diluluskan.
- iii Borang JAKIM (*rujuk laman sesawang DVS di www.dvs.gov.my*) hendaklah dilampirkan bersama permohonan import daging dan produk daging yang selain daripada daging dan produk khinzir seperti berikut:
 - *Form of Information on Islamic Organisation For Issuance of Halal Certificates;*
 - *JAKIM-Oversea Abattoir Application;*
 - *Halal Product-Application Form.*
 - Borang yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada SKIE untuk penilaian risiko.

c. Bahan Biologik

Borang TACB 1 (bagi permohonan import vaksin) dan borang TACB 9 (bagi permohonan import bahan biologik haiwan (selain vaksin) dan kit Ujian Diagnostik) (*rujuk laman sesawang DVS di www.dvs.gov.my*) hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh PBV negara pengeksport sekiranya premis berada dalam negara yang belum diluluskan.

www.dvs.gov.my) hendaklah dilengkapkan dan diserahkan kepada Jawatankuasa TACB di ZooKa.

- d. Makanan Haiwan
 - i. Pengimpor hendaklah mendapatkan Lesen Pengimportan Makanan Haiwan/Bahan Tambahan Haiwan daripada Lembaga Makanan Haiwan.
 - ii. Permohonan lesen tersebut hendaklah dibuat ke Seksyen Pemakanan Haiwan.
 - iii. Permit hanya akan dikeluarkan kepada pemohonan yang telah memiliki lesen daripada Lembaga Makanan Haiwan.

6.1.1.2 Penilaian Risiko Import

Penilaian risiko import bagi mengesan kemungkinan hazard atau mudarat serta penilaian terhadap kompetensi PBV negara pengeksport hendaklah dijalankan bagi permohonan import yang baru (*rujuk Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Analisis Risiko Import*).

6.1.1.3 Penggubalan Peraturan Import

- a. Peraturan import hendaklah dirangka berdasarkan status penyakit negara pengeksport dan setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Kerja Analisis Risiko.

- b. Sebarang pengimportan haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan hendaklah mematuhi peraturan import yang telah ditetapkan.
- 6.1.1.4 Pemeriksaan Premis di Negara Pengeksport
Pemeriksaan premis haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan di negara pengeksport hendaklah dijalankan sekiranya perlu bagi memastikan premis haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan mematuhi piawaian dan peraturan import DVS.
- 6.1.2 Permohonan dari Negara/Premis yang Telah Diluluskan
- 6.1.2.1 Kelulusan import JPPH-MOA hendaklah diperolehi bagi pengimportan haiwan seperti lembu, kerbau, kambing dan bebiri, serta produk haiwan seperti daging lembu, kerbau, kambing dan bebiri, serta keratan dan daging ayam.
 - a. Kelulusan Import JPPH-MOA
 - i. Kelulusan import JPPH-MOA hanya akan diberi kepada permohonan import dari negara atau premis haiwan, hasil dan produk haiwan yang diluluskan.
 - ii. Pemohon hendaklah melengkapkan dan menyerahkan borang permohonan import JPPH-MOA yang berkaitan (*rujuk laman sesawang DVS di www.dvs.gov.my*) ke SKIE.
 - b. Tempoh Kelulusan Import JPPH-MOA
Status permohonan import JPPH-MOA akan ditentukan dalam masa 7 hari bekerja.

- 6.1.2.2 Permit import hendaklah diperolehi daripada DVS Malaysia sebelum pengimportan dilakukan (rujuk 6.1.4).
- 6.1.2.3 Pemohon hendaklah memastikan SKV daripada PBV negara pengeksport disediakan bagi pengimportan haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan dan disertakan dengan sijil halal (sekiranya berkaitan) yang dikeluarkan oleh badan Islam yang diiktiraf oleh JAKIM bagi negara pengeksport tersebut.
- 6.1.3 Permohonan bagi Haiwan Kesayangan
 - 6.1.3.1 Permit import hendaklah diperolehi daripada DVS Malaysia sebelum pengimportan dilakukan (rujuk 6.1.4).
 - 6.1.3.2 Pemohon hendaklah memastikan SKV/Passport Haiwan Kesayangan daripada PBV dan rekod pelarian yang telah dikemas kini daripada negara pengeksport disediakan.
 - 6.1.3.3 Pemohon hendaklah memastikan pengimportan anjing bukan daripada baka yang dilarang (rujuk lampiran).
 - 6.1.3.4 Pemohon hendaklah mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada KPPV atau PPVN bagi pengimportan anjing daripada baka yang dikawal (rujuk lampiran).
- 6.1.4 Permohonan Permit Import
 - 6.1.4.1 Permit import hendaklah diperolehi daripada DVS melalui sistem e-permit 1 sebelum pengimportan dilakukan.

- 6.1.4.2 Permit import haiwan hendaklah diperolehi daripada DVS negeri destinasi.
- 6.1.4.3 Bagi haiwan yang perlu dikuarantin, permit import hanya akan dikeluarkan kepada permohonan yang telah membuat tempahan ruang kuarantin di SKH yang berkaitan melalui sistem AQS (rujuk APTVM Proses Kuarantin Haiwan).
- 6.1.4.4 Permit import hasil, produk haiwan dan makanan haiwan hendaklah diperolehi daripada DVS negeri destinasi atau DVS Putrajaya.
- 6.1.4.5 Permit import bahan biologik hendaklah diperolehi daripada DVS Putrajaya selepas mendapat kelulusan TACB.
- 6.1.4.6 Permit import haiwan, hasil dan produk haiwan yang dibawah kawalan JPPH-MOA hendaklah dikeluarkan kepada permohonan yang telah memperolehi kelulusan import JPPH-MOA.

6.2 EKSPORT

Eksport haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan hendaklah mendapat kelulusan dan pengesahan kesihatan/penyakit daripada DVS berpandukan kepada peraturan negara pengimport sebelum pengeksportan dilakukan.

6.2.1 Permohonan Eksport

Permohonan eksport yang mengandungi maklumat lengkap, jelas dan terperinci hendaklah dibuat

- kepada DVS sebelum pengeksportan dilakukan.
- 6.2.2 Peraturan Negara Pengimport

Peraturan negara pengimport hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi setiap permohonan baru untuk memastikan kepatuhan kepada syarat negara pengimport dapat dipenuhi.
- 6.2.3 Pemeriksaan Veterinar dan Ujian Makmal
 - 6.2.3.1 Haiwan
 - a. Pemeriksaan fizikal atau kesihatan hendaklah dijalankan ke atas semua haiwan sama ada haiwan ternakan atau kesayangan seperti anjing dan kucing berdasarkan peraturan negara pengimport.
 - b. Sampel darah/serum/calitan kloaka, calitan nasal dan lain-lain hendaklah diambil untuk ujian makmal berpandukan kepada syarat yang ditetapkan oleh negara pengimport.
 - 6.2.3.2 Hasil dan Produk Haiwan
 - a. Pemeriksaan hendaklah dijalankan ke atas premis serta hasil dan produk haiwan.
 - b. Sampel produk/calitan peralatan/sampel air dan lain-lain sampel yang berkaitan hendaklah diambil dan ujian makmal hendaklah dilakukan berpandukan kepada syarat

yang ditetapkan negara pengimport.

6.2.4 Permohonan Permit Eksport

- 6.2.4.1 Permit eksport hendaklah diperolehi daripada DVS melalui sistem e-permit 1 sebelum pengeksportan dilakukan.
- 6.2.4.2 Permit eksport haiwan dan telur hendaklah diperolehi daripada DVS negeri asal.
- 6.2.4.3 Permit eksport hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan boleh diperolehi dari DVS negeri asal atau DVS Putrajaya.

6.2.5 Pengeluaran Sijil Kesihatan Veterinar

- 6.2.5.1 SKV hendaklah dikeluarkan ke atas haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan yang mematuhi syarat-syarat negara pengimport berdasarkan hasil pemeriksaan veterinar ke atas haiwan, hasil dan produk haiwan, bahan biologik, serta makanan haiwan dan keputusan ujian makmal oleh Pegawai Veterinar atau PBV.
- 6.2.5.2 Status penyakit di lokasi asal hendaklah disahkan terlebih dahulu bagi setiap perakuan yang di buat dalam SKV.
- 6.2.5.3 Perakuan yang dibuat di dalam SKV hendaklah diketahui secara tepat dan pasti sebelum disahkan oleh Pegawai Veterinar.

7.0 SENARAI RUJUKAN

- 7.1 Akta Binatang 1953 (Semakan 2006);
- 7.2 Animal Importation Order 1962;
- 7.3 Akta Makanan Haiwan 2009;
- 7.4 Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia Penyediaan Sijil Kesihatan Veterinar.

8.0 LAMPIRAN

Senarai Baka Anjing Terlarang/Terkawal

LAMPIRAN

**SENARAI BAKA ANJING TERLARANG / TERKAWAL
DI BAWAH KAWALAN PENGIMPORTAN**

BIL	BAKA TERLARANG UNTUK DIIMPOR	BAKA TERKAWAL UNTUK DIIMPOR
(Pengimportan adalah tertakluk kepada syarat)		
1.	Pit Bull Terrier/Pit Bull (Juga dikenali sebagai American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier and Staffordshire Bull Terrier)	German Shepard/Alsatian (Termasuk Belgian Shepard dan East European Shepard)
2.	American Bulldog	Bull Mastiff
3.	Neapolitan Mastiff	Bull Terrier
4.	Japanese Tosa	Perro de Presa Canario (Juga dikenali sebagai Canary Dog)
5.	Akita	Rottweiler
6.	Dogo Argentino	Doberman
7.	Fila Braziliero	

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN
ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA IMPORT DAN EKSPORT HAIWAN,
HASIL DAN PRODUK HAIWAN, BAHAN BIOLOGIK, SERTA MAKANAN HAIWAN**

- | | |
|-----------------|--|
| Penasihat | : Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria
Pengarah Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS |
| Disediakan oleh | : Dr. Saipul Bahari bin Hj. Abdul Ree
Timbalan Pengarah Bahagian (Q)

Dr. Nur Hafizan binti Sharudin
Penolong Pengarah Kanan

Dr. Azita Hanim binti Hashim Ghani
Penolong Pengarah

Dr. Mariani binti Hashim
Penolong Pengarah |

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM ini, khususnya;

1. Semua Pengarah Bahagian, IPPV
2. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
3. Semua Ketua Seksyen IPPV
4. Dr. Muhammad Nazri bin Khairuddin

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi:

Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
Wisma Tani, Blok Podium 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya.

- Tel : 03-8870 2000
Faks : 03-8888 6472
Email : pro@dvs.gov.my
Laman web : <http://www.dvs.gov.my>



ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

IMPORT DAN EKSPORT HAIWAN,
HASIL DAN PRODUK HAIWAN,
BAHAN BIOLOGIK,
serta MAKANAN HAIWAN

No. Dokumentasi: APTVM 17(c): 1/2011

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
MALAYSIA